

Kolumnis Tafsir Al-Quran Majalah *Pengasuh* Tahun 1953-2017

Columnists of Quranic Exegesis of the Pengasuh Magazine from 1953-2017

MAZLAN IBRAHIM, AHMAD YUNUS MOHD NOOR & ABDULLAH AQIL FAQIHI CHE MOHD RAHIM

ABSTRAK

Pengajian Tafsir Al-Quran merupakan salah satu cabang ilmu agama yang berkembang pesat di dalam majalah Pengasuh sejak sebelum era kemerdekaan Tanah Melayu. Kemunculannya seawal tahun 1950an menjadikan ilmu ini sebagai salah satu ilmu agama yang paling lama bertahan di dalam majalah tersebut sejak ia pertama kali diterbitkan pada 11 Julai 1918. Walaubagaimanapun perkembangan penulisan tafsir ini gagal mendapat tempat di pentas perbincangan akademik menjadikan ilmu ini dan penulisnya kurang dikenali oleh masyarakat dan para sarjana Melayu. Dengan menggunakan kaedah analisis dokumen, penulisan ini akan menjelaskan dengan lebih terperinci kronologi penulisan Tafsir Al-Quran di dalam majalah Pengasuh bermula dari tahun 1953 hingga tahun 2017 dengan dinyatakan siapakah kolumnis yang bertanggungjawab ke atas penulisan tersebut. Hasil kajian mendapati sepanjang 64 tahun pengajian Tafsir Al-Quran berlangsung, seramai 9 kolumnis tafsir telah terlibat, mereka ialah Hassan Haji Muhammad, KH Munawwar Khalil, Guru Muda, Dato' Dr. Wan Hussein Azmi, M Iqbal, M.Zulni, Dato' Yusoff Zaky, Roslan Abdul Ghani dan Abdul Hafiz Abdullah. Kesemua penulis ini telah meyumbangkan karya tafsir mereka di dalam majalah tersebut dengan pelbagai metode seperti tafsir bi al-Mathur, tafsir bi al-Ra'yi, tafsir bi Ilmi dan tafsir Maw'dui. Sumbangan kajian ini diharap dapat menaikkan kembali kolumn Tafsir Al-Quran di dalam majalah Pengasuh bersesuaian dengan taraf ilmunya yang telah sekian lama menyumbang kepada masyarakat.

Kata kunci: Kolumnis; Tanah Melayu; Tafsir Al-Quran; Majalah Pengasuh; 1953-2017

ABSTRACT

Quranic exegesis is one of the branches of religious science that has grown rapidly in the Pengasuh's magazine since before the era of independence in the country. Its emergence as early as the 1950s made this knowledge one of the longest surviving religious sciences in the magazine since it was first published on 11 July 1918. However, the development of this interpretation of the writings has failed to take place in the academic discussion stage to make this knowledge and author less familiar with society and the Malay scholars. By using the document analysis method, this writing will explain in more detail the chronology of the interpretation of the Quran in the Pengasuh's magazine from 1953 to 2017, with whom the columnist is responsible for the writing. The study finds that over a total of 64 years of Tafsir Al-Quran course, 9 interpretative columnists have been involved, they are Hassan Haji Muhammad, KH Munawwar Khalil, Young Teachers, Dato 'Dr. Wan Hussein Azmi, M Iqbal, M.Zulni, Dato 'Yusoff Zaky, Roslan Abdul Ghani and Abdul Hafiz Abdullah. All of these authors have contributed their interpretations in that magazine with a variety of unique writing methods such as tafsir bi al-Mathur; tafsir bi al-Ra'yi, tafsir bi Ilmi and tafsir Maw'dui. The contribution of this study is hoped to revitalize the Tafsir Al-Quran column in the Pengasuh's magazine in line with the long-standing knowledge of the community.

Keywords: Columnist; Malaya; Quranic Exegesis; Pengasuh Magazine; 1953-201

PENGENALAN

Majalah *Pengasuh* merupakan majalah bertulisan jawi yang tertua di Asia Tenggara. Penulisannya bermula seawal tahun 1918 dan bertahan sehingga ke hari ini menjadikan ianya sebagai naskah jawi yang paling banyak menyimpan segala jenis ilmu hampir 1 abad lamanya. Dalam kepesatan penulisan majalah *Pengasuh*, cabang ilmu agama juga tidak ketinggalan untuk diterbitkan di dalamnya

bersesuaian dengan visi majalah itu sebagai risalah yang menyampaikan ingatan dan nasihat (Ahmad Faisal 2013:10). Kandungannya tidak terhad kepada penulisan ilmiah sahaja malah mengandungi berbagai tulisan lain seperti puisi, syair, soal jawab dan pengumuman kepada masyarakat. Dalam ianya menyebarkan ilmu pengetahuan, majalah *Pengasuh* dilihat sebagai salah satu platform penyebaran ilmu Islam di Tanah Melayu sekitar abad ke-19 hingga sekarang. Dalam tulisan kali ini, penulis akan

menghurai tentang kolumnis dan penulisan tafsir al-Quran di dalam majalah *Pengasuh*.

Penerbitan majalah *Pengasuh* merupakan antara aktiviti awal penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Isitiadat Melayu Kelantan (MAIK). Oleh kerana pada ketika itu peranan awal MAIK ialah menterjemahkan kitab-kitab Arab (agama) ke dalam bahasa Melayu maka MAIK telah berusaha untuk mendapatkan percetakan sendiri pada tahun 1917 (Abdul Razak Mahmud 1993: 36). Dengan mempunyai percetakan sendiri maka MAIK telah menerbitkan sebuah majalah ilmiah sendiri yang diberi nama sebagai *Pengasuh*. Di sepanjang usianya, *Pengasuh* telah dipimpin oleh ramai tokoh ulama dan intelektual Melayu dari segenap penjuru Nusantara. Terdapat nama yang tidak asing lagi ketokohan mereka dalam dunia penulisan tanah air dan juga ilmuwan Islam yang diberi peluang untuk mengisi ruang-ruang di dalam majalah *Pengasuh*. Antara Tokoh-tokoh yang terkenal adalah seperti Haji Muhammad Yusof Awang Kenali (1868-1933), Dato' Laksamana Haji Muhammad bin Tok Khatib (1888-1939), Dato Haji Ahmad Maher (1904-1968), Dato' Haji Ismail bin Yusoff (1915-1988), Ustaz Hassan Haji Muhammad (1970an), Dato' Dr. Wan Hussein Azmi Abdul Kadir (1928-2005), Drs. Abdul Ghani Azmi bin Idris (1933-1988) dan juga Dato' Haji Yusoff Zaki bin Yacob (1928-1999). Kesemua mereka adalah gabungan antara tokoh ulama dan juga cendiakawan Melayu yang telah menjayakan penerbitan majalah *Pengasuh* samaada sebelum ataupun selepas kemerdekaan Tanah Melayu (Abdul Razak Mahmud 1993: 43).

Selain itu, asas penerbitan majalah *Pengasuh* juga tidaklah tertumpu kepada tujuan untuk mengaut keuntungan semata-mata. Keinginan MAIK yang sebenarnya adalah untuk menjadikan *Pengasuh* itu sebagai satu wadah utama untuk menyebarkan pengajaran agama, nasihat dan teguran agama kepada orang ramai dalam usaha untuk membina masyarakat Islam yang progresif. Perkara ini dapat dilihat dalam majalah *Pengasuh* keluaran pertamanya yang antara lain menyatakan bahawa antara matlamat utama penerbitan adalah untuk membina bangsa Melayu yang terhormat dan mempunyai jati diri yang tinggi di tanah air sendiri (Ahmad Faisal 2013: 10). Oleh sebab yang demikian, MAIK berasa bangga dengan keluaran majalah *Pengasuh* ini yang masih dapat dilangsungkan penerbitannya sehingga ke hari ini walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan masalah.

Kemunculan sulung majalah ini pada 1 Syawal 1918 telah berjaya menjadi batu permulaan kepada

ribuan tulisan agama berkembang sama ada dari sudut akidah, fiqh, falsafah, al-Quran, Hadis, Bahasa Arab, Perbandingan Agama serta Tafsir al-Quran. Dengan penulisan meluas ilmu ini di dalam majalah *Pengasuh*, maka peranannya sebagai salah satu aspek perkembangan dakwah Islam di Tanah Melayu pada awal abad ke-19 tidak dapat dinafikan, bahkan ianya juga adalah tuntutan Rabbani yang Allah SWT telah menciptakan manusia untuk ditugaskan sebagai khalifah di muka bumi ini (Umi Zainab& Muhammad Azizan 2018)

KOLUMNIS TAFSIR MAJALAH PENGASUH 1953-2017

Pengajian Tafsir al-Quran merupakan antara ilmu klasik Islam yang berkembang pesat di dalam majalah *Pengasuh* bermula sekitar tahun 1950an sehingga ke hari ini. Penulisanya yang dilangsungkan oleh berbagai tokoh dan kolumnis dari pelusuk Nusantara telah berjaya menjadikan ilmu ini sebagai antara ilmu terlama di dalam majalah *Pengasuh* itu sendiri. Bahkan pengajian Tafsir juga merupakan antara kolum ilmu agama yang paling banyak menyumbangkan penulisan ilmiah di dalam majalah *Pengasuh* berbanding penulisan lain yang tidak dapat mengekalkan ruangan secara berkala di dalam majalah ini (Muhammad Mahmud 2016). Penulisan tersebut berdasarkan tiga konsep utama Islam yang mengandungi penekanan terhadap tiga aspek penting dalam kehidupan iaitu akidah, akhlak dan Syariah. (Syarifah Hayaati Syed Ismail 2017). Berikut merupakan ruangan tafsir al-Quran yang sempat penulis kumpulkan dari permulaan penulisan sehingga ke hari ini selepas menerokai ratusan majalah *Pengasuh* dari pelusuk Tanah Air dengan menggunakan kaedah analisis dokumen.

USTAZ HASSAN HAJI MUHAMMAD 1953-1954

Hassan Haji Muhammad merupakan ketua pengarang majalah *Pengasuh* bermula september 1957 sehingga ke bulan Jun tahun 1961. Sebelum beliau menjawat sebagai ketua pengarang, beliau diberikan tanggungjawab sebagai penolong pengarang *Pengasuh* bermula tahun 1953 oleh Kerabat Kerja Majlis Agama Islam Kelantan sehingga diangkat menjadi ketua pengarang 4 tahun kemudian (Muhammad Mahmud 2016).

Penulis tidak mendapat data yang jelas mengenai latar belakang peribadi beliau, kecuali hanya

sekadar serpihan yang datang dari hasil temubual bersama Ustaz Muhammad Mahmud dan sumber majalah *Pengasuh* itu sendiri. Menurut Muhammad Mahmud, Ustaz Hassan Haji Muhammad merupakan lepasan lulusan Jami' Merbau Ismail. Beliau hanya memegang jawatan ketua pengarang selama 4 tahun sahaja sebelum meletak jawatan tersebut untuk bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka selepas itu.

Penulisan tafsir al-Quran yang dilakukan oleh Hassan Muhammad telah menjadi tapak pemula kepada perkembangan tafsir al-Quran di dalam majalah *Pengasuh* sehingga ke hari ini. Banyak penulisan tafsir beliau membicarakan tentang asas pengetahuan agama Islam dan juga wacana Islam semasa. Ini boleh dilihat pada majalah *Pengasuh* bilangan 269 tahun 1953 hingga ke edisi 252. Pada bilangan ini beliau hanya memfokuskan kepada tafsiran tentang ilmu asas agama Islam iaitu rukun Islam yang lima dan perbincangan mengenai isu-isu yang terdapat dalam rukun tersebut. Manakala pada judul *Pengasuh* ke 253 hingga ke 269, beliau cuba membawa tafsiran tentang isu kebangkitan Islam di Tanah Melayu dan juga isu politik pentadbiran Islam dengan didatangkan dengan beberapa ayat al-Quran yang berkaitan (Hassan Muhammad 1953: 1-4).

Variasi penafsiran al-Quran terhadap isu yang bersangkut paut dengan pegangan Islam yang ditunjukkan oleh Ustaz Hassan Haji Muhammad di dalam majalah *Pengasuh* ini telah menjadikan majalah tersebut sebagai satu majalah ilmiah yang bukan sahaja menerapkan tentang ilmu agama Islam malah menjadi platform dan medan untuk cendiakwan Melayu bangkit mencapai kemerdekaan berlandaskan nas dari al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW (Hassan Muhammad 1953:4). Apatah lagi kedaulatan watan Tanah Melayu adalah konsep kekuasaan Agung bersumberkan Syariah Islam seperti dijelaskan dalam al-Quran dan al-Sunnah (Wan Ahmad Fauzi Wan Husain et al. 2017)

KH MUNAWWAR KHALIL 1955

Munawwar Khalil dilahirkan pada bulan Februari 1908 di Kendal, Jawa Tengah Indonesia. Ayahnya dikenali sebagai KH. Khalil yang merupakan seorang pedagang, hartawan dan seorang yang alim dalam agama. Beliau telah ke Mekkah untuk mendalami ilmu-ilmu keislaman pada bulan Januari 1927. Di sana, beliau banyak berkenalan dengan para pemuda Islam Indonesia yang merantau untuk mencari ilmu seperti beliau termasuk beberapa gurunya dari Solo, Indonesia yang melarikan diri

dari pihak Belanda. Antara pemuda yang bersama beliau pada ketika itu adalah H. Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA). Setelah beliau pulang dari Mekah beliau telah diangkat oleh pimpinan daerah Kendal untuk menjadi Guru di Madrasah Al-Wustha Muhammadiyah sebelum terpilih menjadi Ahli Majlis Tarjih Pimpinan Pusat Muhammadiyah itu. Beliau kemudiannya diangkat menjadi Ahli Hadis Indonesia pada tahun 1938 selepas terlibat secara aktif di sana. Pada tahun 1952, Presiden Soerkarno dan Wakil Presiden Mohammad Hatta telah meminta beliau untuk menjadi Pegawai Negeri dengan ditawarkan jawatan yang cukup tinggi namun beliau menolaknya atas dasar ketidakmampuan untuk menggalas tugas tersebut. Munawwar Khalil telah meninggal dunia pada 23 Mei 1961 pada usianya 53 tahun setelah menderita penyakit kanser dan tumor otak lebih kurang 2 bulan lamanya(Munawwar Khalil 1955:1-3).

Sejak tahun 1933, beliau telah mula melibatkan diri di dalam dunia penulisan dan membuat artikel untuk majalah Islam seperti majalah *Pembela Islam* di Bandung. Dalam tulisan-tulisannya, baik di dalam buku maupun artikel, bahkan di dalam khutbah serta tabligh-tabligh yang disampaikan, kelihatan bahawa beliau mempunyai hasrat dan semangat yang tinggi dalam usahanya untuk memurnikan ajaran-ajaran Islam dari berbagai hal yang berbau khurafat, tahayul, syirik dan bid'ah. Sumbangan terbesar KH Munawwar Khalil di dalam perkembangan Ilmu Islam adalah apabila beliau berjaya menyiapkan terjemahan al-Quran dibawah tafsiran beliau sendiri yang diberi nama sebagai *Tafsir al-Quran Hidayatur Rahman* yang diterbitkan di dalam bahasa Indonesia. Nama beliau diangkat seiring dengan tokoh ulama tafsir Indonesia yang lain seperti A.Hassan Bandung dengan tafsirnya *al-Furqan* (1928), Iskandar Idris, *tafsir Hibarna* (1934), Mahmud Yunus "Tafsir Quran Indonesia" (1935), Halim Hassan "Tafsir Al-Quranul Al-Karim" (1955), Zainuddin Hamidi "Tafsir al-Quran"(1959), Kasim Bakry "Tafsir Al-Quranul al-Hakim" (1960) dan Dr.Hamka "Tafsir al-Azhar"(1973) (Nasruddin Baidan 2003:61).

KH Munawwar Khalil didapati terlibat secara langsung dengan majalah *Pengasuh* di Malaysia adalah pada tahun 1955 dengan menyumbangkan penulisan tafsir kepada majalah *Pengasuh* untuk diterbitkan. Walaupun, KH Munawwar Khalil hanya menyumbangkan satu rencana sahaja dalam penulisan tafsir al-Quran iaitu pada terbitan majalah Pengasuh edisi 272 tahun 1955 di bawah tajuk " Jangan Menjadi Islam Separuh " Tafsiran dari

surah *al-Baqarah* ayat 208-209 dengan menggunakan pakai *kaedah tafsir bi al'mathur*. namun ianya cukup untuk menjadi penggerak kepada penulisan tafsir di dalam majalah *Pengasuh* yang diteruskan kesinambungannya oleh penulis lain di zaman selepas beliau. Boleh dikatakan bahawa pencetus kepada pengajian Tafsir Nusantara di dalam majalah *Pengasuh* adalah bermula dari penulisan beliau(Mazlan Ibrahim 2018:886).

“GURU MUDA” TAHUN 1960-1961

Guru Muda merupakan nama samaran kepada penulis siri pengajian tafsir di dalam majalah *Pengasuh* pada era 1960 hingga 1961. Secara umumnya pengkaji tidak dapat menemukan apa-apa bukti dan rekod yang disimpan oleh Majlis Agama Islam Kelantan ataupun dari temubual yang dilakukan kepada bekas redaksi *Pengasuh* yang menjelaskan tentang perihal Guru Muda ini. Namun apa yang boleh disimpulkan oleh penulis bahawa Guru Muda merupakan seorang sidang pengarang Majalah *Pengasuh* pada era 1960an yang terlibat secara aktif di dalam siri penulisan tafsir pada waktu itu. Kekangan untuk mendapatkan maklumat berkenaan beliau juga adalah berdasarkan faktor ketiadaan rujukan tentang beliau dalam majalah *Pengasuh* sendiri.

Selepas hampir 5 tahun pengajian tafsir terhenti di dalam majalah *Pengasuh*, pengajian tafsir disambung kembali pada tahun 1960 oleh penulis tafsir yang menggunakan nama pena “Guru Muda”. Beliau terlibat aktif di dalam penulisan tafsir dalam *Pengasuh* dari tahun 1960 sehingga ke tahun 1961, dalam jangka 2 tahun beliau telah menghasilkan sebanyak 5 ruangan tafsir yang berjaya dikenalpasti oleh pengkaji di dalam majalah *Pengasuh* yang di bawah ruangan yang diberikan nama sebagai “ Tafsir al-Quran al-Karim” dan “Ruangan Tafsir”.

Walaupun sumbangan beliau terhadap penulisan tafsir tidak begitu banyak, namun beliau berjaya menyambung legasi pengajian tafsir yang telah ditinggalkan hampir 5 tahun selepas kolumn pengajian tafsir terakhir oleh KH. Munawwar Khalil pada tahun 1955. Pengajian tafsir yang diterbitkan beliau mempunyai beberapa unsur yang tersendiri antaranya seperti nasihat, amaran dan pemberitahuan.

Dari sudut tafsiran berbentuk nasihat, dapat dilihat di dalam ruangan tafsir beliau di dalam majalah *Pengasuh* keluaran 334 untuk bulan

Disember 1961 yang bertahuk “ Perbaikilah Diri Kamu ” yang dihuraikan dari surah al-Maidah ayat 133 sehingga ayat 135. Tafsiran berbentuk amaran pula terdapat dua, satunya bertajuk “ Pendusta Keatas Tuhan adalah Sezalim-Zalim Manusia ” yang diterjemahkan dari surah as-Saf” ayat 7 sehingga 9 manakala satu lagi bertajuk “ Amaran Keras Kepada Musuh-Musuh Allah ” dari surah al-Mujadalah ayat 5 hingga 7. Kedua-dua tafsir ini masing-masing diterbitkan di dalam majalah *Pengasuh* pada keluaran ke 328 dan 329 iaitu pada September 1960 dan Januari 1961. Tafsiran terakhir berbentuk pemberitahuan juga mempunyai dua, antaranya penerangan mengenai “Sifat-Sifat Orang Bertaqwah ” dari tafsiran surah al-Imran ayat 133 hingga 135 dan penjelasan tentang “ Sikap dan Peribadi Orang-Orang Munafik ” yang dipetik dari surah al-Baqarah ayat 8 sehingga 6. Kesemua tafsiran yang dilakukan oleh beliau ini mempunyai huraiyan yang lengkap dan di disertakan dengan dalil yang lain seperti Hadis dan Qias para sahabat untuk menguatkan hujah yang dibawa (Guru Muda 1960/1961: 1).

Purata penulisan tafsir beliau di dalam majalah *Pengasuh* berada di dalam lingkungan 2-3 muka surat dari keseluruhan 25 helai majalah *Pengasuh* pada waktu itu (Guru Muda 1960/1961: 1). Pengkaji juga mendapat bahawa beliau (Guru Muda) tidak terlibat di dalam penulisan lain di dalam majalah *Pengasuh* selain daripada kolumn tafsir ini tidak seperti tokoh lain yang juga menulis beberapa makalah lain yang berkaitan seperti Ilmu Hadis, Psikologi Islam, Akidah Islam dan lain-lain lagi. Disebabkan kekurangan bahan dan bukti maka pengkaji merumuskan bahawa Guru Muda merupakan seorang penulis pengajian tafsir yang terlibat secara langsung di dalam perkembangan penulisan tafsir di dalam majalah *Pengasuh* sejurus selepas tokoh sebelumnya iaitu KH. Munawwar Khalil pada tahun 1955.

DATO' DR. WAN HUSSEIN AZMI TAHUN 1965

Wan Hussein Azmi merupakan cendiakiawan Melayu yang sezaman dengan Dato' Yusoff Zaky ketika belajar di Universiti Amerika Kaherah Mesir sekitar tahun 1950an. Temubual bersama anak muridnya yang terakhir mendapati Wan Hussein Azmi merupakan seorang yang gemar menerbitkan berbagai rencana dan penulisan sebelum beliau melanjutkan pelajaran ke Mesir lagi. Minatnya ini akhirnya dipersembahkan di dalam majalah *Pengasuh* dengan penerbitan beberapa siri makalah

tafsir al-Quran pada tahun 1965(Temubual bersama Shafie Abu Bakar 2017). Penafsiran ayat-ayat al-Quran yang dilakukan oleh Wan Hussein Azmi amatlah berlainan seperti yang dilakukan oleh kalangan penafsir yang lain. Beliau menggunakan pendekatan tafsiran al-Quran dan dijelaskan huraiannya dengan didatangkan bukti dari ilmu Sains untuk menunjukkan kebenaran dari al-Quran itu sendiri.

Contoh yang dapat diberikan ialah pada majalah *Pengasuh* edisi 344 dimana Dato' Dr Wan Hussein Azmi telah mengeluarkan ayat al-Quran dari Surah *Ar-Rum*', Surah *al-An'am*, Surah *al-Hajr*', Surah *al-AaFat* dan surah *ar-Rahman* untuk menerangkan perihal kejadian manusia yang diciptakan oleh Allah SWT dari Tanah dan bahan-bahan yang seumpamanya. Dan daripada terjemahan al-Quran itu, maka Dr.Wan Hussein Azmi menjelaskannya dengan membawa kajian yang dilakukan oleh barat dimana kajian mereka sendiri telah membuktikan bahawa kandungan badan manusia terdiri daripada elemen-elemen yang berunsur bumi dan tanah seperti *Carbon*, *Oxygen*, *Hydrogen*, *Phosphorus*, *Sulphur*, *Azote*, *Calcium*, *Potassium*, *Sodium*, *Chlorate*, *Magnesium*, *Iron*, *Manganese*, *Copper*, *Iodine*, *Plurein*, *Cobalt*, *Zsne*, *Minium* dan *Molekul*. Dengan membawa hujah-hujah ini, Dr. Wan Hussein menujukkan kesamaan teori yang dilakukan oleh Barat sebenarnya telah dijelaskan di dalam al-Quran 1400 tahun yang lalu (Wan Huseein Azmi 1965/344: 6-17).

Dengan huraian seperti ini maka Dr Wan Hussein Azmi telah mendatangkan bukti yang cukup untuk menguatkan hujah beliau supaya pembaca dapat melihat kebenaran yang dibawa oleh al-Quran telah lama diterangkan oleh Allah SWT berbanding ilmu sains yang hanya muncul di zaman moden ini. Di dalam tafsiran ini juga, beliau turut menyatakan hasil kajian beliau terhadap topik yang dibawa dan dimasa yang sama mengkritik pemikiran-pemikiran ahli sains barat yang mengetahui kebenaran yang ada di dalam al-Quran namun enggan menerima diatas kesombongan dengan ilmu yang mereka ada.

Pengajian tafsir al-Quran dengan sains oleh Dr Wan Hussein Azmi mempunyai 7 siri penerbitan sepanjang tahun 1965 bermula pada majalah Pengasuh edisi 344 dengan tajuk "kejadian Manusia", edisi 345 "Kesihatan Tubuh Badan Manusia", edisi 346 "Ilmu Ruh Manusia", edisi 347 "Mengubati Jiwa", edisi 348 "Rahsia Hidup Manusia", edisi 349 "Rahsia hidup manusia bahagian 2" dan edisi 350 "Rahsia hidup manusia bahagian 3". Kesemua

ruangan yang ditulis beliau mempunyai purata helaian hampir 30 helai pada setiap keluarannya menjadikan satu-satunya kolumnis tafsir yang mendapat ruangan terbanyak untuk penulisan Tafsir Al-Quran.

M. IQBAL DAN M. ZULNI TAHUN 1967-1970

Selepas siri pengajian tafsir yang ditulis oleh Wan Hussin Azmi pada tahun 1965, kolumn pengajian tafsir diteruskan kesinambungannya oleh penulis berikutnya yang dikenali sebagai M.Iqbal dan M.Zulni. M.Iqbal dan M.Zulni merupakan penulis tafsir di dalam majalah *Pengasuh* pada akhir era 1960an bermula dari tahun 1967 sehingga tahun 1970. Mereka terlibat secara aktif di dalam sidang penulis majalah *Pengasuh* di zaman ketua editornya pada ketika itu Abdul Ghani Azmi bin Idris. Tiada maklumat yang jelas tentang biografi mereka yang berjaya diperolehi oleh penulis disebabkan Majlis Agama Islam Kelantan masih tidak mempunyai sistem yang merekod nama kolumnis majalah Pengasuh pada waktu ini(Norhashri Junoh 2015). Kedua-dua mereka saling bertukar penulisan dimana ada kalanya M.Zulni menulis tafsir menggantikan M.Iqbal ataupun M.Iqbal sendiri yang menulisnya. Walaubagaimanapun dari 11 makalah tafsir yang diterbitkan, 7 daripadanya ditulis oleh M.Iqbal manakala 4 lagi oleh M.Zulni. Secara umumnya tiada rekod yang disimpan oleh Majlis Agama Islam kelantan mengenai peribadi beliau, kecuali bukti wujudnya penulis ini adalah berdasarkan rekod di dalam majalah *Pengasuh* itu sendiri.

Kedua mereka banyak menyumbangkan siri pengajian tafsir di dalam majalah *Pengasuh* bermula dari edisi Disember 1967 iaitu *Pengasuh* bilangan ke 361 hingga ke tahun 1970. Dari analisa awal, pengkaji mendapati bahawa penulisan yang dilakukan M.Iqbal dan M.Zulni di dalam majalah *Pengasuh* terbahagi kepada dua bahagian, yang pertamanya penulisan tafsir al-Quran diletakkan di bawah tajuk " Tuntutan al-Quran" manakala yang keduanya penulisan Hadis Nabawi yang diterbitkan di bawah kolumn " Tuntutan Hadis". Walaubagaimanapun penulisan tafsir al-Quran lebih banyak disumbangkan oleh mereka berbanding penulisan Hadis dengan wujudnya sebanyak sebelas siri tafsir al-Quran dari tahun 1967 sehingga 1970 berbanding penulisan Hadis yang hanya mempunyai 8 siri (M.Iqbal 1967-1970:1-3).

Secara umumnya, di dalam penulisan tafsir al-Quran yang dilakukan, kedua penulis ini banyak

mengeluarkan tafsir dari berbagai ayat al-Quran samaada dari juz awal ataupun juz akhir. Penafsiran tidak terikat dengan susunan surah seperti terjemahan dari awal ayat sehingga akhir ayat, namun dilakukan dengan mengambil beberapa ayat al-Quran dan diterjemahkan maksudnya dan diuraikan secara lengkap intipati ayat tersebut. Tafsiran ayat-ayat al-Quran yang dikeluarkan didapati mempunyai beberapa variasi terjemahan, antaranya dari jenis persoalan dan peringatan.

Dari bentuk persoalan, dapat dilihat dari penafsiran di dalam majalah *Pengasuh* bulan Julai tahun 1968 iaitu edisi ke 368 di mana mereka telah menterjemahkan ayat al-Quran dari surah Ali-Imran ayat 85 dan surah al-Baqarah ayat 217. Kedua-dua ayat diterjemahkan bertujuan untuk menjawab persoalan yang ditimbulkan iaitu “Apakah Semua Agama Benar dan Diterima Tuhan Belaka?” Terjemahan ayat-ayat ini kemudian diuraikan dengan dinyatakan perincian maksud ayat itu dan jawapan kepada soalan yang ditimbulkan dengan disertakan dalil dari Hadis dan Qias. Variasi tafsiran jenis ini banyak dikesan di dalam penulisan mereka seperti di dalam majalah *Pengasuh* edisi 370 bulan Julai 1969, penulis telah menimbulkan persoalan mengenai “Bagaimakah Kebahagiaan Dapat Dicapai?” yang kemudiannya dijawab dengan tafsiran dari surah al-Mu’minun ayat 1 sehingga 11 dan pada Majalah *Pengasuh* bilangan ke 380 tahun 1970 dengan persoalan “Apakah Semua Agama dapat Mencapai Keredhaan Allah? ” dijawab dengan terjemahan al-Quran surah al-Baqarah ayat 62. Kesemua persoalan dikeluarkan dijawab sendiri dengan bersandarkan dalil ayat al-Quran dan hujah hadis nabawi untuk membuktikan kebenaran yang disampaikan oleh Allah dan Rasulnya kepada sekalian umat di muka bumi ini.

Jenis kedua, tafsiran yang dilakukan adalah berbentuk peringatan untuk menjadikan pembaca berfikir mengenai bahana yang berat ditimpa jika kita melanggarnya. Di dalam tafsiran beliau di dalam majalah *Pengasuh* penulis dapat mengeluarkan 6 jenis tafsiran yang melibatkan peringatan dan kewajipan yang perlu dilakukan oleh orang Islam. Antaranya seperti di dalam majalah *Pengasuh* edisi 361 bulan Disember 1967 dengan tajuknya “Masuklah ke dalam Islam Seluruhnya” diterjemahkan dari surah al-Baqarah ayat 208 sehingga 209, Majalah *Pengasuh* bilangan 370 tahun 1968 bertajuk “Iman, Syurga dan Pancaroba” dari tafsiran surah al-Baqarah ayat 214, Majalah *Pengasuh* keluaran ke 376 untuk tahun 1969

yang ditulis di bawah tajuk “Kristian dan Yahudi mengancam Keutuhan Islam dan Umatnya” juga tafsiran dari surah al-Baqarah ayat 120, Tajuk “Kejahatan Zina dan hukumnya” dari surah an-Nur ayat 2 diterbitkan di dalam majalah *Pengasuh* edisi 382 1970 dan Tafsiran dari surah al-Maidah ayat 90 sehingga 91 yang menerangkan perihal “Arak, Bahayanya dan Hukumnya” di dalam majalah *Pengasuh* edisi 384 tahun 1970.

Manakala terdapat tafsiran yang dilakukan berbentuk kewajipan bagi umat Islam. Antaranya seperti keperluan pelaksanaan hukuman Hudud di negara Islam dengan tajuk “Kewajipan Mematuhi dan Menjalankan Syariat Allah dan Rasulnya” yang diterjemahkan dari surah an-Nisa’ ayat 13 sehingga 14 dan “Kewajipan Muslim atas Hak Miliknya” yang berkisar mengenai kewajipan pembahagian harta Fara’id diterjemahkan dari surah at-Tawbah ayat 34 dan 35 (M.Zulni 1967-1970:1-8).

Kesemua tafsiran yang dilakukan ini diterjemahkan dari berbagai ayat al-Quran dan tidak difokuskan kepada satu-satu surah seperti yang dilakukan Dato Yusoff Zaky. Kesannya pembaca dapat melihat gabungan ayat-ayat al-Quran yang menguatkan hujah yang dikemukakan dan di masa yang sama dapat menghuraikan tajuk yang dibincangkan. Tafsir “Tuntutan al-Quran” di bawah kedua penulis ini mempunyai purata 3 muka surat dalam majalah *Pengasuh* dari purata 6 muka surat yang digunakan. Penulisan mereka juga mudah difahami dan tidak mengandungi ayat-ayat yang tersirat ataupun ayat yang menerangkan maksud yang lain dari makna asalnya.

DATO’ YUSOFF ZAKY 1975-1995

Majalah *Pengasuh* telah memberi sumbangan besar kepada bidang pengajian tafsir al-Quran. Dato’ Yusoff Zaky Haji Yaakob adalah di antara tokoh terkenal yang banyak menyumbangkan tulisan dan buah fikiran dalam bidang tafsir. Sepanjang penglibatan dalam Majalah *Pengasuh* dari awal tahun 1970an beliau telah menulis pelbagai artikel dalam berbagai bidang ilmu termasuk bidang tafsir al-Qu’ran. Beliau mempunyai satu kolumn tetap dalam majalah tersebut iaitu “Di Bawah Gema al-Quran” adalah merupakan tulisan berdasarkan cetusan dan buah fikiran beliau sendiri hasil dari pemahaman beliau terhadap kitab-kitab tafsir yang muktabar terutamanya kitab tafsir *Fi Zilal al-Quran* oleh Sayyid Qutb. Khalidi menyatakan bahawa edisi pertama Zilal yang diterbitkan pada tahun 1952 pada

mulanya mewakili idea dan pengalaman Syed Qutb pada masa itu. Dengan kata lain Zilal didasarkan pada penghargaan peribadi Qutb terhadap keindahan sastera dari Al-Qur'an, mengikuti arah yang sama dengan Taswir dan Mashahid al-Qiyamah. Khalidi lebih lanjut berpendapat bahawa syed Qutb juga tidak mengabaikan pendekatan ideologi (al-manhaj al-fikri) dalam edisi pertama dan begitu juga dalam edisi revisi yang diselesaikan antara 1953 dan 1954. (Nooraihan Ali et al. 2011:260) "Di Bawah Gema al-Quran" di bawah seliaan beliau telah menengahkan berbagai topik-topik tertentu bagi setiap keluarannya mengikut tema-tema ayat yang ingin ditafsirkan (Yusoff Zaky 1975-1985/403-449).

Penulisan karya Syed Qutb menjadi pilihan utama Yusoff Zaky yang keseluruhannya beliau sendiri yang menerjemahkannya. Beliau yang sudah meminati perjuangan Syed Qutb sejak awal lagi telah mempengaruhi tulisan beliau untuk menghasilkan terjemahan karya agung tokoh timur tengah ini, iaitu tafsir *fi Zilal al-Quran*. Syed Qutb hidup di bawah bayangan al-Quran dengan seluruh jiwa dan perasaannya di samping beliau hidup sebagai pendakwah yang arif, sabar, gigih, reda, tenang, tenteram dan berserah hanya kepada Allah SWT. Semua sifat ini merupakan faktor penting yang melahirkan *Tafsir fi Zilal al-Quran* dalam bentuk yang unik mengatasi tafsir-tafsir yang lain.

Syed Qutb seorang tokoh yang tidak asing dalam kalangan pengikut dan peminat gerakan Islam di Timur Tengah yang juga merupakan tokoh pilihan Yusoff Zaky yang telah memberi pengaruh besar kepada penulisan tafsir beliau di dalam majalah *Pengasuh*. Beliau telah mencontohi kehidupan perjuangan tokoh ini dalam gerakan Islam dan memberi sumbangan besar kepada umat Islam dalam penterjemahan tafsir *fi Zilal al-Quran*.

Kolumn Di Bawah Gema al-Quran telah dimasukkan ke dalam majalah *Pengasuh* pada judulnya yang ke 405 iaitu pada April 1975 sebagai satu cabang ilmu baru di dalam majalah *Pengasuh* menggantikan kandungan lama sebelum ini. Pengajian Tafsir pertama di mulakan dengan terjemahan surah *al-Baqarah* ayat 11-16 dengan diletakkan topik perbincangannya bertajuk "Dolak-Dalik Musuh Allah" (Yusoff Zaky 1975/405:30). Topik pengajian tafsir yang diketengahkan di dalam majalah *Pengasuh* didapati tidaklah diterjemah ayat al-Quran itu bermula dari awal surah dan mengikut turutan, tetapi Dato' Yusoff Zaky telah membawa sesuatu ayat dari mana-mana surah al-Quran dan diketengahkan satu topik sebelum dihuraikan

topik tersebut dengan terjemahan tafsir dan pemikiran beliau. Ini dapat dilihat pada permulaan pengajian tafsir di dalam majalah *Pengasuh* beliau menerangkan tentang ayat dari surah *al-Baqarah* ayat 11-16 dan bukan lah bermula penulisan tersebut dengan terjemahan surah *al-Fatihah*.

Pengajian tafsir ini kemudiannya diteruskan pada penerbitan berikutnya secara konsisten dengan berbagai topik dijelaskan dan dihuraikan. Antara contoh yang dapat dilihat seperti pada tahun 1977 di judul ke 421 dibincangkan topik "Kitab Suci Taurat" dari surah *al-Baqarah* ayat 51-54 dan dijelaskan tafsirnya dengan panjang lebar mengenai sejarah kitab Taurat menurut al-Quran (Yusoff Zaky 1977/421: 30). Contoh lain pula adalah pada judul berikutnya iaitu edisi ke 422 untuk keluaran bulan Mac dan April 1977 dijelaskan tajuk "Watak-Watak Degil Bani Israil" dengan membawa terjemahan ayat al-Quran sambungan surah *al-Baqarah* judul 421 iaitu dari ayat 55-59 dan diterangkan pula mengenai kesombongan bani Israil kerana enggan menerima ajaran Islam yang diperuntukkan kepada mereka (Yusoff Zaky 1977/422 : 30).

Manakala pada era 1980an pula dapat dilihat contoh pengajian tafsir di keluaran 472 tahun 1983, Dato Yusoff Zaky telah membawa terjemahan surah *an-Nas* dengan diletakkan topik perbincangan berkisar tingkah laku Manusia di bumi ini (Yusoff Zaky 1983/472: 34). Contoh yang lain pula adalah pada edisi ke 477 pada tahun 1985 dengan dijelaskan tentang orang-orang kafir dengan terjemahan ayat dari surah *al-Kafirun* (Yusoff Zaky 1985/477: 34) Mafhumnya, setiap topik yang dijelaskan di dalam setiap penafsiran dijelaskan tentang maksud yang tersirat dan tersurat dengan di bawa juga dalil-dalil dari ayat lain.

Keseluruhan Pengajian tafsir di dalam majalah *Pengasuh* ini diterjemah dari teks tafsir *Fi Zilal al-Quran* oleh Syed Qutb yang merupakan tokoh islah yang disanjung oleh Dato Yusoff Zaky sebagai ulama Islam yang hebat dari sudut spiritual dan juga akademik. penafsiran yang dilakukan dari tafsir tersebut diteliti terlebih dahulu, sebelum diambil beberapa terjemahan al-Quran untuk dimasukkan ke dalam *Pengasuh* dan dibincangkan topik-topik yang berkaitan dengannya.

Setibanya pada tahun 1990an Dato Yusoff Zaky telah menghentikan penafsiran beliau di dalam majalah *Pengasuh* akibat masalah kesihatan namun karya syed Qutb yang lain masih diteruskan penerbitannya di dalam majalah *Pengasuh* sehingga beliau meletakkan jawatan sebagai

ketua Pengarang majalah *Pengasuh* pada tahun 1995 selepas kesihatannya bertambah buruk. Dato Yusoff Zaky telah menghembuskan nafasnya yang terakhir pada 19 Januari 1999 bersamaan dengan 1 Syawal 1419H pada pukul 4.30 pagi. Jenazah Allahyarham telah dikebumikan di tanah perkuburan Banggol yang berdekatan dengan rumahnya.

MUHAMMAD ROSLAN ABDUL GHANI TAHUN 2009-2011

Pengajian tafsir yang terhenti selama hampir 3 tahun di bawah seliaan editor utamanya Puan Yasmoon mula mendapat perhatian seorang lagi penulis tafsir iaitu Ustaz Muhammad Roslan bin Abdul Ghani. Beliau merupakan antara sidang pengarang majalah *Pengasuh* bermula pada awal tahun 2003 hingga ke tahun 2014 sebelum ditempatkan ke bahagian Unit Hal Ehwal Masjid di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. (Temubual bersama Roslan Abdul Ghani 2015). Penulisan beliau banyak berkisar tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan al-Quran dan Hadis. Beliau banyak menyumbangkan pemikiran beliau ke dalam majalah *Pengasuh* samaada dari ilmu al-Quran ataupun ilmu akidah.

Antara rencana karangan beliau yang diterbitkan di dalam majalah *Pengasuh* adalah seperti “*Rukun-Rukun Islam menurut al-Quran siri 1 dan 2*” yang diterbitkan di dalam majalah *Pengasuh* pada edisi ke pertama tahun 2013 iaitu bilangan ke 626 dan edisi kedua 627 (Roslan Abdul Ghani 2013/626-627: 30-34). Manakala yang lainnya pula adalah penulisan berkenaan “*Plagiarisma menurut al-Quran*” yang juga mempunyai dua siri iaitu dari bilangan 629 dan bilangan 630 yang juga pada tahun 2013 (Roslan Abdul Ghani 2013/629-630: 25-28). Selain itu, beliau juga turut membuka kolum dibawah seliaan beliau sendiri untuk pengajian tafsir dengan tajuk “*Tafsir Mawdhui*” yang telah bermula dari tahun beliau menjadi sidang *Pengasuh* pada tahun 2009 sehingga tahun 2011.

Siri pengajian tafsir ini merangkumi 4 rencana utama yang diterbitkan secara bersiri iaitu siri 1 yang merangkumi 2 rencana yang dikeluarkan pada tahun 2009 dan 2010 manakala 2 lagi pada siri 2 diterbitkan serentak pada tahun 2011. Walaupun siri pengajian tafsir beliau ini masih tidak mendapat tempat sebagai kolum tetap di dalam majalah *Pengasuh*, namun beliau sedaya upaya cuba untuk meneruskan kesinambungan pengajian tafsir supaya ianya tidak hilang sebagai cabang ilmu yang haru

dipelajari oleh masarakat sebagai antara ilmu terawal di dalam Islam. Dimasa yang sama beliau juga secara tidak langsung meneruskan pengajian tafsir di dalam Majalah sejak cabang ilmu itu diperkenalkan oleh Dato Yusoff zaky pada tahun 1975 dan berkembang secara pesat sehingga tahun 90an.

Antara contoh topik yang dibincangkan di dalam siri pengajian tafsir beliau adalah pada keluaran 616 tahun 2009 yang menjelaskan tentang sifat Ikhlas menurut al-Quran (Roslan Abdul Ghani 2009/616: 10-14). Seterusnya pada tahun 2010 pada judul 617 yang merupakan sambungan dari edisi ke 616 majalah *Pengasuh* yang dihuraikan tentang sifat keadilan bagi manusia dengan didatangkan tafsiran ayat al-Quran dari berbagai surah seperti *al-Baqarah*, *al-Ma'idah*, *an-Nisa*, *Hud* dan *al-Isra* yang menerangkan perihal sifat keadilan yang perlu ada pada manusia (Roslan Abdul Ghani 2010/617:13-18). Untuk tahun 2011 pula topik yang dibawa adalah berkenaan sifat kebenaran menurut tafsiran al-Quran yang juga dibawa tafsiran dari beberapa surah dalam al-Quran seperti *surah al-Munafiqun*, *surah Yunus*, *surah Tahrim* dan *surah Ali-Imran* (Roslan Abdul Ghani 2011/623: 20-25).

Kesemua contoh ini adalah antara topik yang dibawa perbincangan oleh Ustaz Muhammad Roslan Abdul Ghani dalam siri pengajian tafsir dibawah seliaan beliau. Selepas tamat siri kedua pengajian tafsir pada judul 624 iaitu pada keluaran Disember 2011, didapati tiada lagi siri pengajian tafsir dilakukan oleh beliau, sebaliknya penulisan beliau selepas itu banyak ditekankan kepada isu-isu akidah menurut al-Quran dan topik-topik tentang pemikiran Islam semasa.

DR. ABDUL HAFIZ ABDULLAH 2014-KINI

Secara umumnya selepas ketiadaan Dato Yusoff Zaky sebagai tokoh terkenal dalam bidang tafsir, pengajian tafsir di dalam majalah *Pengasuh* mengalami kekangan dari segi mendapatkan kolum tetap untuk diterbitkan penulisannya secara berkala. Judul pengajian tafsir terkini dikesan bermula kembali pada tahun 2014 di keluaran majalah *Pengasuh* edisi ke 636 untuk bulan September dan Oktober 2014 yang ditulis oleh Dr. Abdul Hafiz bin Haji Abdullah yang merupakan seorang Pensyarah Kanan Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia Johor Bharu (Temubual bersama Abdul Hafiz Abdullah 2016). Tafsir al-Azhar oleh H.Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA) menjadi sumber

utama dalam penulisan Dr. Abdul Hafiz. Topik pertama yang dibincangkan adalah berkenaan *Keburukan Ekonomi Riba Menurut HAMKA dalam Tafsir Al-Azhar* dimana penulisan ini secara umumnya menjelaskan tentang keburukan riba dalam sistem ekonomi di Malaysia (Abdul Hafiz Abdullah 2014/636: 2-11).

Rencana pengajian tafsir oleh Dr. Abdul Hafiz yang bermula pada tahun 2014 diteruskan pengeluarannya sebanyak 6 kali sehingga ke dua penerbitan pada tahun 2017 iaitu pada keluaran edisi 651 untuk bulan Mac/April 2017 dengan tajuknya “*Ijtihad dan tajdid menurut pandangan HAMKA dalam Tafsir Al-Azhar*” dan terbitan ke-653 pada bulan Julai/Ogos 2017 dengan tajuk “*Perbezaan Pendapat diantara Pro dan Kontra: Tinjauan Pemikiran HAMKA dalam Tafsir Al-Azhar*” (Abdul Hafiz Abdullah 2017/651/653:2-6). Tajuk yang dipilih adalah sangat bertepatan kerana HAMKA dikenali sebagai reformis sebagaimana juga idolanya Muhammad Abduh pengarang Tafsir al-Manar. Bahkan proses penulisan tafsir kedua-duanya juga hampr sama iaitu berasal daripada ceramah-ceramah di hadapan Jemaah kemudian disusun dalam bentuk tulisan (Abdul Manan Syafi’I 2014:271) Jelasnya di sini pengajian tafsir Al-Quran jika diteliti mempunyai masalah dari segi ketiadaan kolumnis tetap yang ingin menerbitkan judul bersiri di dalamnya menjadikan rantaian perkembangan tafsir dalam *Pengasuh* itu mula tersisih dan mungkin mendapat terbitan jika disumbangkan oleh ahli akademik di luar sana.

DAPATAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji dapat merumuskan bahawa dari 9 orang penulis tafsir al-Quran dalam majalah *Pengasuh* bermula dari tahun 1953 hingga 2017 terdapat 2 orang tokoh tafsir al-Quran yang dikenali ramai dengan masing-masing telah mempunyai tafsir al-Quran sendiri iaitu KH. Munawwar Khalil dengan tafsirnya *Tafsir Hidayatu Ar-Rahman* dan Dato’ Yusoff Zaky dengan *Tafsir Di Bawah Gema al-Quran* yang merupakan terjemahan kepada *Tafsir Fi Zilalil Al-Quran* karangan Syed Qutb.

Manakala 3 orang penulis tafsir majalah *Pengasuh* yang lain iaitu Dato’ Wan Hussein Azmi, Roslan Abdul Ghani dan Dr. Abdul Hafiz Abdullah merupakan cendikiawan Melayu yang menyumbang kepada pengajian tafsir al-Quran dalam majalah *Pengasuh*. Mereka bertiga tidak dikategorikan sebagai tokoh tafsir seperti Dato’ Yusoff Zaky dan

KH.Munawwar Khalil namun mereka mempunyai ilmu yang cukup baik dalam bahasa Arab dan mengetahui secara umum tentang perihal tafsir al-Quran. Mereka ini tidak mempunyai tafsir yang diterbit sendiri selain rencana tafsir al-Quran yang dikeluarkan di dalam buku-buku, artikel dan jurnal.

Selebihnya 4 orang lagi iaitu Hassan Haji Muhammad, Guru Muda, M. Iqbal dan M. Zulni merupakan penulis tafsir yang dikategorikan sebagai kolumnis tetap tafsir al-Quran majalah *Pengasuh*. Mereka berempat ini tidak dapat diketahui jelas latar belakang pengajian mereka akibat kekurangan sumber dan rujukan, namun pengkaji merumuskan bahawa 4 penulis ini merupakan penulis yang banyak menyumbangkan pengajian tafsir al-Quran seberis dengan tokoh dan cendiakawan Melayu yang lain. Walaupun mereka tidak tergolong dalam kalangan tokoh tafsir, penulisan mereka tentang tafsir al-Quran didapati tidak bersalah dengan ayat al-Quran dan riwayat-riwayat sahih menjadikan mereka sebagai intelegensia Melayu yang telah memberikan sumbangan besar kepada perkembangan pengajian tafsir al-Quran di dalam majalah *Pengasuh*.

Boleh dikatakan bahawa sejarah pengajian tafsir di dalam majalah *Pengasuh* berkembang pesat pada tahun 1950-1960an dan memasuki zaman keemasannya pada tahun 1970an dibawah pimpinan Dato’ Yusoff Zaky sehingga ke tahun awal 1990an sebelum dihentikan kolumnya selepas ketiadaan beliau. Perkembangan berikutnya berlaku pada awal era moden di mana kolum “*Bayangan al-Quran*” cuba diwujudkan sekali lagi untuk meneruskan kesinambungan pengajian tafsir namun ianya sekali lagi terpaksa dihentikan selepas bertahan selama 1 tahun sahaja dari tahun 2005 ke 2006. Pengajian tafsir ini kemudiannya diberi wajah baru oleh sidang *Pengasuh* Ustaz Muhammad Roslan Abdul Ghani di bawah kolum siri “*Tafsir Mawdhui*” dan pergerakannya konsisten dengan berjaya diterbitkan 4 rencana tafsir selama 3 tahun dari tahun 2009 sehingga 2011 dan dihentikan penulisannya apabila beliau mula fokus kepada intipati ilmu lain. Dari sini secara umumnya jelas dapat dilihat perkembangan pengajian tafsir melalui zaman keemasannya pada tahun 1975 sebelum jatuh pada tahun 1990 dan mula naik kembali pada tahun 2009. Usaha-usaha untuk menerbitkan siri pengajian tafsir di dalam majalah *Pengasuh* dapat dilihat timbul kembali pada tahun 2014 dengan terbitnya rencana dari tafsir *Al-Azhar* karangan HAMKA yang ditulis oleh Pensyarah Universiti Teknologi Malaysia iaitu Dr. Abdul Hafiz Abdullah.

Dengan timbulnya usaha-usaha yang berterusan ini maka tidak diragui lagi bahawa majalah *Pengasuh* merupakan platform penyebaran dakwah Islam yang paling lama bertahan di Tanah Melayu secara amnya dan di Kelantan secara khususnya. Pihak Majlis Agama Islam Kelantan dalam merangka berbagai aktiviti seperti Sambutan Ulangtahun ke-100 majalah *Pengasuh*, Seminar majalah Pengasuh di Dewan Bahasa dan Pustaka dan kerjasama bersama IPT dan Majlis Agama Islam Negeri untuk menerbitkan beberapa artikel dan jurnal tentang majalah *Pengasuh*. Untuk tahun 2018 dan 2019 sebanyak 2 artikel Tafsir Al-Quran telah diterbitkan di Majlis Agama Islam Negeri Kelantan pada edisi terkini majalah *Pengasuh* itu sendiri iaitu pada keluaran 651 dengan tajuk “Gaya Penulisan Tafsir Al-Quran di dalam Majalah *Pengasuh* Sekitar Tahun 1960an” yang menerangkan tentang cara penulisan Tafsir Al-Quran di dalam majalah *Pengasuh* pada tahun 1960 sehingga tahun 1969 (Aqil&Mazlan 2018:10). Artikel kedua diterbitkan pada edisi 655 majalah Pengasuh di bawah tajuk “Sumbangan Dr Wan Hussein Azmi Abdul Kadir dalam Tafsir Al-Quran” yang mana penulis membawakan biografi lengkap seorang kolumnis Tafsir Al-Quran majalah Pengasuh tahun 1965 (Aqil&Mazlan 2019:2). Manakala untuk jurnal peringkat antarabangsa, 1 jurnal telah diterbitkan di dalam bahasa Inggeris berkisar tentang perkembangan Tafsir-Al-Quran di dalam majalah *Pengasuh* dengan tajuk “*Analysis Of Development Of Tafsir Studies In The Magazine Pengasuh 1955-2015*” yang ditulis oleh Abdullah Aqil Faqih dan Mazlan Ibrahim dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2018 (Mazlan Ibrahim 2018: 885-902).

Kesemua penerbitan yang dilakukan adalah satu usaha untuk memastikan sumbangan ilmu majalah *Pengasuh* kepada perkembangan warisan ketamadunan melayu moden kekal relevan dan tidak hilang ditelan zaman.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Cabaran Perdana dari Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM Bangi, Selangor. [Grant NO.: DCP-2018-001/3].

RUJUKAN

- Abdul Hafiz Abdullah 2014. *Majalah Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Isitiadat Melayu Kelantan, bil 636-638,651,653
- Abdul Hafiz Abdullah. 2017. *Biografi*. Universiti Teknologi Malaysia. Johor. Temu Bual, 7 Mei.
- Abdul Razak Mahmud 1993. *Pengarang Majalah Pengasuh 1918-1993*, *Pengasuh* 528 (Julai-Ogos 1993), hlmn 31-43.
- Abdul Manan Syafi'I 2014. Pengaruh tafsir al-Manar terhadap tafsir al-Azhar. *Jurnal Ilmu-ilmu Keislaman (MIQAT)* 38(2): 263-275.
- Ahmad Faisal 2013. Pemikiran Islah Majalah Pengasuh Tahun 1918. *Jurnal Al-Tamadun*, 8(1): 115-131.
- Aqil Faqih & Mazlan Ibrahim 2018. *Gaya Penulisan Tafsir Al-Quran di dalam Majalah Pengasuh Sekitar Tahun 1960an*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Isitiadat Melayu Kelantan.
- Aqil Faqih & Mazlan Ibrahim 2019. *Sumbangan Dr Wan Hussein Azmi Abdul Kadir dalam Tafsir Al-Quran*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Isitiadat Melayu Kelantan.
- Avif Alviyah. 2016. Metode Penafsiran Buya HAMKA dalam Tafsir al-Azhar. *Jurnal Ilmu Ushuluddin* 15(1).
- Guru Muda. 1960. *Majalah Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Isitiadat Melayu Kelantan, bil 328. 329-334.
- Hassan Muhammad 1953. *Majalah Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Isitiadat Melayu Kelantan.
- M.Iqbal 1967. *Majalah Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Isitiadat Melayu Kelantan, bil 361,368-370.
- M.Zulni. 1969. *Majalah Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Isitiadat Melayu Kelantan, bil 375-383.
- Mazlan Ibrahim 2018. *Analysis Of Development Of Tafsir Studies In The Magazine Pengasuh 1955-2015*. Journal of Fundamental and Applied Sciences. Vol.10 No 1S (2018). hlmn 885-902. ISSN No:1112-9867.
- Munawwar Khalil 1955. *Majalah Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Isitiadat Melayu Kelantan, bil 272.
- Muhammad Mahmud 2005. *Majalah Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Isitiadat Melayu Kelantan, bil 592-594, 596-598
- Muhammad Mahmud. 2016. Kolumnis Tafsir Pengasuh 1950-1970, Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan. Kelantan. Temu bual, 4 April.
- Nasruddin Baidan 2003. *Perkembangan Tafsir di Indonesia*. Solo: PT. Tiga Serangkai Pustaka Mandiri.

- Nooraihan Ali et al 2011. From religious realism to social criticism: Sayyid Qutb's approach in fi zilal al-Qur'an. *International Journal of Humanities and Social Science* 1(8): 258-263.
- Roslan Abdul Ghani 2009. *Majalah Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Isitiadat Melayu Kelantan, bil 613-617,623,626-630.
- Nor Hashri Junoh. 2015. Penggunaan Nama Samaran dalam *Majalah Pengasuh*, Kota Bharu. Temu bual, 28 Disember 2015
- Roslan Abdul Ghani. 2015. Biografi Roslan Abdul Ghani, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Kota Bharu. Temu bual, 22 Disember.
- Shafie Abu Bakar. 2017. Biografi Wan Hussein Azmi. Bangi. Temu bual 2 Mei.
- Syarifah Hayaati Syed Ismail. 2017. Mengurus antara keluarga dan kerjaya organisasi: Analisis melalui pendekatan al-tadayun, al-maqasid dan al-wasatiyyah. *Akademika* 87(3): 195-206. <https://doi.org/10.17576/akad-2017-8703-14>.
- Umi Zainab Mohd Ghazali & Muhammad Azizan Sabjan. 2018. Sumbangan pemikiran dan perjuangan dakwah Muhammad 'Uthman El-Muhammady di Malaysia. *Akademika* 88 (1): 107-119. <https://doi.org/10.17576/akad-2018-8801-08>.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah & Mohamed Anwar Omar Din. 2017. Islam agama bagi persekutuan: Satu kajian sejarah perundungan. *Akademika* 87(3): 177-193. <https://doi.org/10.17576/akad-2017-8703-13>.
- Wan Hussein Azmi. 1965. *Majalah Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Isitiadat Melayu Kelantan, bil 344.
- Yusoff Zaky 1975. *Majalah Pengasuh*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Isitiadat Melayu Kelantan, bil 405,421-422,472,477.
- Mazlan Ibrahim
Pusat Kajian Usuluddin Dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor
Malaysia
Email:mazib@ukm.edu.my
- Ahmad Yunus Mohd Noor (corresponding author)
Pusat Kajian Usuluddin Dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor
Malaysia
Email: a_yunus@ukm.edu.my
- Abdullah Aqil Faqih Che Mohd Rahim
Pelajar Sarjana
Pusat Kajian Usuluddin Dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor
Malaysia
Email:aqilfaqih91@gmail.com

Received: 20 June 2019

Accepted: 1 September 2020